

PM: Kerajaan sedia majukan tempat unik tarikan pelancong

Oleh **AZKAN BAKAR**
dan **LAUPA JUNUS**
UM 31 AUG 2003

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Kerajaan sedia memajukan tempat-tempat menarik dan unik di negara ini bagi dijadikan tarikan pelancong jika mendapat kerjasama penduduk tempatan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak ada gunanya jika hanya kerajaan yang bersungguh untuk memajukannya tetapi tidak dihargai oleh mereka yang bakal mendapat manfaat daripadanya.

"Kita sanggup majukan semua (kawasan menarik) itu dengan syarat penduduk memberi kerjasama.

"Kita tidak boleh buat apa-apa jika orang ramai tidak mahu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Patriotik Raksasa Rakyat Malaysia di Jalan Petaling di sini hari ini.

Majlis itu yang dianjurkan oleh Persatuan Pemborong Pakaian Malaysia, Persatuan Penjaja Kuala Lumpur dan Persekutuan Persatuan Nan Ann Malaysia dihadiri kira-kira 20,000 orang.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.

Ia merupakan lawatan kedua Dr. Mahathir ke Jalan Petaling yang juga dikenali sebagai China Town sejak 1992.

Menurut Perdana Menteri, sebagai contoh kerajaan mengambil keputusan untuk menaikkan taraf Jalan Petaling bukan sahaja ia unik dan popular di kalangan pelancong tetapi juga kerjasama daripada peniaga terbabit.

"Kita ada rancangan (untuk Jalan Petaling) sejak 11 tahun lalu, tetapi kini kerjasama mereka lebih baik, jadi kita berjaya laksanakannya," jelasnya.

Hasilnya kata beliau, jalan yang terkenal sebagai pusat penjaja itu kini lebih bersih dan menarik yang bukan sahaja untuk keselesaan pelancong tetapi juga pengguna tempatan dan peniaga sendiri.

Program menaik taraf Jalan Petaling itu melibatkan dua fasa termasuk pembinaan laluan jalan kaki, gerai dan bumbung membabitkan kos RM11.5 juta.

Sementara itu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata kerajaan akan mempromosikan Jalan Petaling supaya ia terkenal di seluruh dunia.

Katanya, apabila lebih ramai pelancong datang para peniaga juga dapat untung lebih dan pendapat kerajaan juga akan meningkat ekoran cukai yang bertambah.

Namun beliau turut mengakui bahawa keadaan di Jalan Petaling hari ini jauh lebih baik berbanding 11 tahun dahulu.

"Kalau dulu, kedai-kedai, gerai-gerai

tak elok kerana duit tak cukup, sekarang kita sudah jadikan ia lebih elok," katanya.

Menurut beliau, ia juga bukti bahawa kerajaan tidak mengeneppikan mana-mana pihak dalam program pembangunannya.

"Cara kita ialah kita suka ada peniaga kecil, mesti ada penjaja, ia tidak akan dihapuskan," katanya.

Tetapi kata beliau, penjaja juga perlu mempertingkatkan taraf mereka dengan mengutamakan kebersihan.

Pada masa yang sama, Dr. Mahathir turut mengingatkan bahawa apa yang dinikmati oleh rakyat Malaysia hari ini adalah berkat daripada kemerdekaan dan keamanan yang terdapat di negara ini.

Menurut beliau, di negara lain walaupun mereka sama-sama mencapai kemerdekaan dengan Malaysia tetapi tidak mampu untuk membangun ekoran suasana politik yang tidak stabil.

"Malaysia unik kerana penduduk pelbagai kaum tetapi kita tidak bergaduh (sesama sendiri). Kita bekerja semasa kita, bermain bersama dan kita tinggal bersama inilah Malaysia.

Bekerjasama

"Ini adalah negara tuan-tuan dan puan-puan. Ini juga negara saya. Ini negara kita bersama. Malaysia kita dan kita harus sayang kepada Malaysia," katanya

Katanya, negara ini akan terus berjaya jika apa yang dilakukan sekarang ini diteruskan di mana rakyat pelbagai kaum bekerjasama dalam keadaan aman dan tidak ada rusuhan dan permusuhan.

"Walaupun Jalan Petaling ini semua peniagaanya terdiri daripada orang Cina, tetapi orang Melayu, India, Iban dan Kadazan tidak takut untuk datang ke sini. Mereka selamat kerana peniaga di sini orang yang suka kepada keselamatan.

"Kalau hari-hari Jalan Petaling ini ada demonstrasi, baling batu, lawan dengan polis tentu peniaga tidak boleh diadakan," katanya.

Sebab itu katanya, setiap rakyat perlu menyambut hari kemerdekaan negara kerana dengan merdeka maka negara menjadi begitu maju.